

Parlimen: Belanjawan Tambahan Hanya Lapan Kali Dilaksanakan Sejak Najib Terajui Kementerian Kewangan Bernama
16 Julai, 2013

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Timbalan Menteri Kewangan Datuk Ahmad Maslan mendedahkan sepanjang Datuk Seri Najib Tun Razak menerajui Kementerian Kewangan pada 2009, hanya lapan kali belanjawan tambahan dilaksanakan.

Sebaliknya, beliau mendedahkan rekod Kementerian Kewangan menunjukkan belanjawan tambahan dilaksanakan 29 kali sepanjang tempoh lapan tahun Datuk Seri Anwar Ibrahim menerajui kementerian itu bermula 1991.

Kenyataan ini sekali gus membidas kenyataan anggota Parlimen pembangkang yang menganggap tindakan pelaksanaan belanjawan tambahan sesuatu yang boleh menggugat perkembangan ekonomi negara dan meningkatkan kadar hutang.

"Ia sesuatu yang memeranjatkan, malah saya juga terperanjat dan harap ia diambil ingatan dan tidak berulang lagi," katanya ketika menggulung perbincangan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013 di Dewan Rakyat di sini Selasa.

Ahmad berkata belanjawan tambahan hanya dilaksanakan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan sekarang sebanyak dua kali setiap tahun hingga tahun ini.

"Tata kelola Kementerian Kewangan ketika zaman (anggota Parlimen) Permatang Pauh adalah seperti berikut, pada 1991 hingga 1995 masing-masing sebanyak empat kali, tiga kali pada 1996, kembali empat kali pada 1997 dan seterusnya dua kali pada 1998 sebelum beliau (Anwar) dipecat," katanya.

Sementara itu, Ahmad berkata peratus purata hutang negara adalah 40.6 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sepanjang 1999 hingga 2008 iaitu selepas Anwar dipecat.

Katanya, ketika Anwar menerajui kementerian itu dalam tempoh 1990 hingga 1997, kadar itu mencecah 53.6 peratus.

"Ini angka yang tidak boleh menipu dan jelas antara 2009 hingga sekarang kadar hutang negara daripada KDNK menurun kepada 51.5 peratus," katanya.

Ahmad berkata kedudukan negara kini berada pada tahap yang lebih baik berbanding negara lain dari segi kadar hutang termasuk Amerika Syarikat (72.5 peratus), Ireland (116.8 peratus), Singapura (103.8 peratus) dan United Kingdom (90.0 peratus).

Persidangan dewan bersambung esok.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=963783>

